

"Saya percaya ilmu pengetahuan ini bukan saja dapat dipraktikkan, malahan dapat diperluaskan kepada ahli keluarga, jiran tetangga dan komuniti dalam kampung atau penempatan selaras dengan objektif pelaksanaan PBK itu sendiri.

"Ketika ini, Sabah mempunyai paling ramai PBK berbanding seluruh negeri lain di negara ini. Pasukan ini tidak mempunyai peruntukkan daripada kerajaan, namun saya akan mencadangkan kepada Menteri Ekonomi untuk mewujudkan satu skim yang bersesuaian," katanya.

Sementara itu, Zuraida telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, untuk membincangkan beberapa perkara berkaitan kementerian berkenaan.

"Kita bincangkan beberapa perkara berkaitan polisi kerajaan negeri dan pusat. Saya faham Sabah mempunyai autonomi dia sendiri berkaitan beberapa perkara, namun ada beberapa perkara juga yang memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan pusat.

"Menerusi perbincangan ini kita berharap kerjasama kita akan terus erat khususnya perkara berkaitan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan dan hal-hal berkaitan perumahan di Sabah,"

-- BERNAMA